



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS KEPERLUAN PENGUASAAN PENDIDIKAN JASMANI
DALAM PENGAJARAN KOMPONEN PERKEMBANGAN
FIZIKAL DALAM KALANGAN
GURU TABIKA KEMAS**

LUCY ROSSY SYLVESTER



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

02.07.2007

LUCY ROSSY SYLVESTER
M20061000039





PENGESAHAN

Saya mengesahkan telah memeriksa disertasi bertajuk Analisis Keperluan Penguasaan Pendidikan Jasmani Dalam Pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal Dalam Kalangan Guru TABIKA KEMAS. Saya memperakukan bahawa disertasi ini diterima bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan (Sains Sukan).



TARIKH

(DR. JULISMAH BINTI JANI)
Penyelia Kertas Projek,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.





PENGHARGAAN

Saya bersyukur kerana dengan izin Tuhan membolehkan saya melaksanakan kajian ini dengan sempurna. Di dalam ruang ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Dr. Julismah Bt. Jani atas bimbingan serta tunjuk ajar yang amat bermakna dalam menyempurnakan kajian ini.

Tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak memberi tunjuk ajar yang amat berguna sebelum kajian ini dijalankan. Segala pengorbanan yang telah anda semua curahkan akan tetap menjadi ingatan sepanjang hayat.



Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Institut Perguruan Batu Lintang dan Jabatan Kemajuan Masyarakat yang melulus dan memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada pengarah-pengarah, pensyarah-pensyarah dan guru-guru pelatih Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Institut Perguruan Batu Lintang, Institut Perguruan Rajang dan Institut Perguruan Sarawak yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Sokongan dan kerjasama yang anda semua beri akan sentiasa dikenang.

Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa yang amat saya sayangi Silvester Laijanai dan Dayang Permi Dris, tidak lupa juga terima kasih kepada bapa saudara saya Datuk Aloysius Dris dan semua adik beradik saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang pengajian saya.





ABSTRAK

ANALISIS KEPERLUAN PENGUASAAN PENDIDIKAN JASMANI DALAM PENGAJARAN KOMPONEN PERKEMBANGAN FIZIKAL DALAM KALANGAN GURU TABIKA KEMAS

Oleh : Lucy Rossy Sylvester
April 2007

Pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal di peringkat prasekolah memerlukan penguasaan pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani seseorang guru. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Sampel kajian adalah guru-guru TABIKA KEMAS dalam perkhidmatan yang sedang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu Kursus Dalam Cuti (KDC). Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik *Rossy Physical Education Knowledge And Skills Questionnaire (Rossy PEKSQ)*. Sampel kajian ini berjumlah 46 orang berdasarkan enrolmen di Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching (IPBL) dan Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan (IPTAR). Instrumen kajian menggunakan soal selidik 5 poin skala Likert dengan pekali kebolehppercayaan Cronbach Alpha 0.92 - 0.96. Analisis soal selidik mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran sedia ada guru-guru TABIKA KEMAS ini berada pada tahap rendah. Ini dapat dilihat dengan nilai min pengetahuan 2.88 dan kemahiran 2.84. Tahap keperluan pengetahuan Pendidikan Jasmani dikenalpasti melalui perbezaan nilai min antara tahap pengetahuan sedia ada dan tahap pengetahuan perlu ada, manakala tahap keperluan kemahiran Pendidikan Jasmani dikenalpasti melalui perbezaan nilai min antara tahap kemahiran sedia ada dan tahap pengetahuan perlu ada. Dapatan menunjukkan tahap keperluan pengetahuan adalah sangat besar dengan nilai jurang min adalah 1.60 dan tahap keperluan kemahiran dengan jurang nilai min 1.67. Kajian mengesyorkan satu program latihan tersusun dan komprehensif perlu dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya aspek penilaian Pendidikan Jasmani guru-guru TABIKA KEMAS dan guru-guru prasekolah dalam perkhidmatan.





ABSTRACT

NEEDS ANALYSIS ON ACQUIRING PHYSICAL EDUCATION IN TEACHING PHYSICAL DEVELOPMENT COMPONENT AMONG TABIKA KEMAS TEACHERS

By : Lucy Rossy Sylvester
April 2007

Preschool teacher teaching Physical Development Component, need to aquire the knowledge and skills in Physical Education. The purpose of this study, is to analyze the needs in aquiring Physical Education among the preschool teachers. The sample of these study were 46 female in-service TABIKA KEMAS teachers, who took up teaching diploma courses during the school holidays at Tun Abdul Razak Teachers Institute, Kota Samarahan and Batu Lintang Teachers Institute, Kuching. Rossy Physical Education Knowledge and Skills Questionnaire (Rossy PEKSQ) was designed for the study. It consisted of 50 items with 5 point Likert-type scale with Alpha Cronbach reliability of 0.92 – 0.96. The findings of the study revealed that knowledge and skills level of Physical Education aquired by TABIKA KEMAS teachers were low with the mean for knowledge $M = 2.88$ and skills $M = 2.84$. Using Kaufman (1994) Gap Theory that defined the gaps between mean for current and mean for desired situation as needs. The needs for the Physical Education knowledge and skills among TABIKA KEMAS teachers are very big with the gap $M = 1.60$ for knowledge dan $M = 1.67$ for skills. The study shows that the highest knowledge and skills needs were the assessment aspect.



KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Kerangka Konseptual	9
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Limitasi Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	14



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep Analisis Keperluan	17
2.3	Pendidikan Jasmani	21
2.4	Keperluan Pengetahuan Dalam Pengajaran	24
2.5	Keperluan Kemahiran Dalam Pengajaran	24
2.6	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Psikomotor	25
2.7	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Kesihatan	26
2.8	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Keselamatan	28
2.9	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Pendidikan Luar	29
2.10	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Strategi Pengajaran	30
2.11	Pengetahuan Dan Kemahiran Aspek Penilaian	32
2.12	Komponen Perkembang Fizikal Dalam Kurikulum Prasekolah	34
2.13	Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Elektif Prasekolah. Kursus Diploma Perguruan Malaysia.	35
2.14	Rumusan	37

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Instrumen	40
3.3.1	Demografi	41
3.3.2	Soal Selidik Keperluan Pengetahuan	42
3.3.3	Soal Selidik Keperluan Kemahiran	43



3.3.4	Kesahan	44
3.3.4	Kebolehpercayaan	46
3.4	Tempat Kajian	48
3.5	Sampel Kajian	49
3.6	Pengumpulan Data	50
3.6.1	Kajian Rintis	51
3.7	Penganalisaan Data	52
3.8	Prosedur Kajian	54

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	57
4.2	Profil Responden	58
4.2.1	Tahap Penyertaan Institut Perguruan	58
4.2.2	Jantina	59
4.2.3	Umur	59
4.2.4	Bangsa	60
4.2.5	Bahagian Tempat Berkhidmat	61
4.2.6	Pengalaman Mengajar di TABIKA KEMAS	62
4.2.7	Kelayakan Akademik	64
4.3	Pengetahuan Psikomotor	65
4.3.1	Pengetahuan Psikomotor Sedia Ada	65
4.3.2	Pengetahuan Psikomotor Perlu Ada	67
4.3.3	Keperluan Pengetahuan Psikomotor	68
4.4	Pengetahuan Kesihatan	70
4.4.1	Pengetahuan Kesihatan Sedia Ada	71
4.4.2	Pengetahuan Kesihatan Perlu Ada	72

4.4.3	Keperluan Pengetahuan Kesihatan	73
4.5	Pengetahuan Keselamatan	75
4.5.1	Pengetahuan Keselamatan Sedia Ada	76
4.5.2	Pengetahuan Keselamatan Perlu Ada	77
4.5.1	Keperluan Pengetahuan Keselamatan	79
4.6	Pengetahuan Pendidikan Luar	81
4.6.1	Pengetahuan Pendidikan Luar Sedia Ada	81
4.6.2	Pengetahuan Pendidikan Luar Perlu Ada	83
4.6.3	Keperluan Pengetahuan Pendidikan Luar	84
4.7	Pengetahuan Strategi Pengajaran	86
4.7.1	Pengetahuan Strategi Pengajaran Sedia Ada	87
4.7.2	Pengetahuan Strategi Pengajaran Perlu Ada	88
4.7.3	Keperluan Pengetahuan Strategi Pengajaran	89
4.8	Pengetahuan Penilaian	91
4.8.1	Pengetahuan Penilaian Sedia Ada	92
4.8.2	Pengetahuan Penilaian Perlu Ada	93
4.8.3	Keperluan Pengetahuan Penilaian	95
4.9	Keperluan Pengetahuan Pendidikan Jasmani	97
4.10	Kemahiran Psikomotor	103
4.10.1	Kemahiran Psikomotor Sedia Ada	103
4.10.2	Kemahiran Psikomotor Perlu Ada	105
4.10.3	Keperluan Kemahiran Psikomotor	106
4.11	Kemahiran Kesihatan	109
4.11.1	Kemahiran Kesihatan Sedia Ada	109
4.11.2	Kemahiran Kesihatan Perlu Ada	110
4.11.3	Keperluan Kemahiran Kesihatan	112
4.12	Kemahiran Keselamatan	114
4.12.1	Kemahiran Keselamatan Sedia Ada	114

4.12.2	Kemahiran Keselamatan Perlu Ada	116
4.12.3	Keperluan Kemahiran Keselamatan	117
4.13	Kemahiran Pendidikan Luar	119
4.13.1	Kemahiran Pendidikan Luar Sedia Ada	120
4.13.2	Kemahiran Pendidikan Luar Perlu Ada	121
4.13.3	Keperluan Kemahiran Pendidikan Luar	122
4.14	Kemahiran Strategi Pengajaran	124
4.14.1	Kemahiran Strategi Pengajaran Sedia Ada	125
4.14.2	Kemahiran Strategi Pengajaran Perlu Ada	126
4.14.3	Keperluan Kemahiran Strategi Pengajaran	128
4.15	Kemahiran Penilaian	130
4.15.1	Kemahiran Penilaian Sedia Ada	130
4.15.2	Kemahiran Penilaian Perlu Ada	132
4.15.3	Keperluan Kemahiran Penilaian	133
4.16	Keperluan Kemahiran Pendidikan Jasmani	136
4.17	Rumusan	141

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	143
5.2	Perbincangan	143
5.2.1	Persoalan Kajian Pertama	144
5.2.2	Persoalan Kajian Kedua	146
5.3	Kesimpulan	148
5.4	Cadangan	150



RUJUKAN

152

LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik (Rossy PESKQ)	160
B	Surat Kelulusan Dan Surat Kebenaran	168



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Peruntukan Masa Mengikut Semester	36
3.1 Skala Jawapan Pengetahuan Dan Kemahiran Perlu Ada Dan Sedia Ada	41
3.2 Taburan Item Soal Selidik	43
3.3 Kadar Kebolehpercayaan Rossy PEKSQ	48
3.4 Butiran Sampel	49
3.5 Aras Skor Min	53
3.6 Aras Nilai Perbezaan Min	53
4.1 Tahap Penyertaan Institut Perguruan	59
4.2 Taburan Responden Mengikut Jantina	59
4.3 Taburan Responden Mengikut Umur	60
4.4 Taburan Responden Mengikut Kaum	61
4.5 Taburan Responden Mengikut Tempat Berkhidmat	62
4.6 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	63
4.7 Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	64
4.8 Pengetahuan Psikomotor Sedia Ada	66
4.9 Pengetahuan Psikomotor Perlu Ada	68
4.10 Keperluan Pengetahuan Psikomotor Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Psikomotor Perlu Ada Dan Pengetahuan Psikomotor Sedia Ada	70
4.11 Pengetahuan Kesihatan Sedia Ada	72
4.12 Pengetahuan Kesihatan Perlu Ada	73
4.13 Keperluan Pengetahuan Kesihatan Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Kesihatan Perlu Ada Dan Pengetahuan Kesihatan Sedia Ada	75

4.14	Pengetahuan Keselamatan Sedia Ada	77
4.15	Pengetahuan Keselamatan Perlu Ada	78
4.16	Keperluan Pengetahuan Keselamatan Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Keselamatan Perlu Ada Dan Pengetahuan Keselamatan Sedia Ada	80
4.17	Pengetahuan Pendidikan Luar Sedia Ada	82
4.18	Pengetahuan Pendidikan Luar Perlu Ada	83
4.19	Keperluan Pengetahuan Pendidikan Luar Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Pendidikan Luar Perlu Ada Dan Pengetahuan Pendidikan Luar Sedia Ada	85
4.20	Pengetahuan Strategi Pengajaran Sedia Ada	88
4.21	Pengetahuan Strategi Pengajaran Perlu Ada	89
4.22	Keperluan Pengetahuan Strategi Pengajaran Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Strategi Pengajaran Perlu Ada Dan Pengetahuan Strategi Pengajaran Sedia Ada	91
4.23	Pengetahuan Penilaian Sedia Ada	93
4.24	Pengetahuan Penilaian Perlu Ada	94
4.25	Keperluan Pengetahuan Penilaian Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Penilaian Perlu Ada Dan Pengetahuan Penilaian Sedia Ada	96
4.26	Keperluan Pengetahuan Pendidikan Jasmani Berdasarkan Jurang Min Di Antara Pengetahuan Pendidikan Jasmani Perlu Ada Dan Pengetahuan Pendidikan Jasmani Sedia Ada	98
4.27	Tahap Keperluan Pengetahuan Pendidikan Jasmani Secara Keseluruhan	102
4.28	Kemahiran Psikomotor Sedia Ada	104
4.29	Kemahiran Psikomotor Perlu Ada	106
4.30	Keperluan Kemahiran Psikomotor Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Psikomotor Perlu Ada Dan Kemahiran Psikomotor Sedia Ada	108
4.31	Kemahiran Kesihatan Sedia Ada	110
4.32	Kemahiran Kesihatan Perlu Ada	111



4.33	Keperluan Kemahiran Kesihatan Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Kesihatan Perlu Ada Dan Kemahiran Kesihatan Sedia Ada	113
4.34	Kemahiran Keselamatan Sedia Ada	115
4.35	Kemahiran Keselamatan Perlu Ada	116
4.36	Keperluan Kemahiran Keselamatan Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Keselamatan Perlu Ada Dan Kemahiran Keselamatan Sedia Ada	118
4.37	Kemahiran Pendidikan Luar Sedia Ada	120
4.38	Kemahiran Pendidikan Luar Perlu Ada	122
4.39	Keperluan Kemahiran Pendidikan Luar Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Pendidikan Luar Perlu Ada Dan Kemahiran Pendidikan Luar Sedia Ada	123
4.40	Kemahiran Strategi Pengajaran Sedia Ada	126
4.41	Kemahiran Strategi Pengajaran Perlu Ada	127
4.42	Keperluan Kemahiran Strategi Pengajaran Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Strategi Pengajaran Perlu Ada Dan Kemahiran Strategi Pengajaran Sedia Ada	129
4.43	Kemahiran Penilaian Sedia Ada	131
4.44	Kemahiran Penilaian Perlu Ada	133
4.45	Keperluan Kemahiran Penilaian Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Penilaian Perlu Ada Dan Kemahiran Penilaian Sedia Ada	135
4.46	Keperluan Kemahiran Pendidikan Jasmani Berdasarkan Jurang Min Di Antara Kemahiran Pendidikan Jasmani Perlu Ada Dan Kemahiran Pendidikan Jasmani Sedia Ada	137
4.47	Tahap Keperluan Pengetahuan Pendidikan Jasmani Secara Keseluruhan	141





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

10





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara khusus mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan penjelasan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Akta Pendidikan 1996, telah dibentuk dengan tujuan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan akademik yang menghasilkan pendidikan bertaraf dunia. Akta ini memperuntukan pendidikan prasekolah sebagai program pendidikan awal kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun. Program pendidikan ini bertujuan melengkapkan kanak-kanak dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni yang diperlukan dalam kehidupan harian. Dalam program





pendidikan prasekolah, proses pembelajaran dijalankan secara bermain sambil belajar.

Pendidikan prasekolah di Malaysia dijalankan oleh empat jenis agensi iaitu agensi kerajaan, agensi separa kerajaan, pertubuhan swasta dan pertubuhan sukarela. Salah satu agensi kerajaan yang menjalani program pendidikan prasekolah adalah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mula dilaksanakan pada tahun 1970 dengan 10 buah TADIKA sebagai projek perintis. Bilangan TABIKA KEMAS meningkat sehingga Mac 1996 berjumlah 7.139 buah dengan bilangan kanak-kanak seramai 214.369. Pada Ogos 2006, terdapat 8.215 orang guru TABIKA KEMAS di seluruh negara.

Laporan Kajian Status Prasekolah yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia (1984), melaporkan bahawa guru-guru yang mengajar di prasekolah tidak mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang pendidikan prasekolah. Oleh yang demikian kerajaan telah mengambil langkah untuk membawa guru prasekolah ke tahap yang diingini dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, baru-baru ini telah mengumumkan untuk menaikkan taraf tenaga pengajar taman bimbingan kanak-kanaknya (TABIKA) di seluruh negara, iaitu dengan menghantar mereka mengikuti kursus peringkat





diploma di institut-institut perguruan di negara ini bermula Mei 2006. Apabila mereka sudah menamatkan latihan dan memiliki diploma, maka tenaga pengajar ini diharapkan dapat menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan. Langkah ini penting bagi memastikan tenaga pengajar TABIKA KEMAS sentiasa dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan peredaran masa. Sekiranya mereka tidak berusaha menambah ilmu mengikut kesesuaian keadaan semasa, mereka akan bekerja mengikut cara lama yang mungkin kurang berkesan dan tidak lagi relevan.

Usaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, meningkatkan kelulusan ikhtisas guru-guru TABIKA KEMAS adalah bertujuan, untuk membolehkan guru-guru tersebut menyampaikan isi kandungan pengajaran dan aktiviti dengan berkesan sesuai dengan perkembangan kanak-kanak. Oleh itu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) memperuntukan RM150 juta untuk gurur-guru TABIKA KEMAS menyambung pelajaran ke peringkat diploma. Peruntukan itu bagi tempoh lima tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran telah menempa satu lagi sejarah iaitu pada 29 Mei 2006, seramai 700 orang guru TABIKA KEMAS telah mendaftar untuk mengikuti kursus di peringkat diploma iaitu Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) sebagai pelajar separuh masa dan pada 12 Julai 2006 seramai tiga ratus orang mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institut-institut perguruan diseluruh negara, ini termasuk Institut Perguruan





Batu Lintang dan Institut Perguruan Tun Abdul Razak di Sarawak. Ini bermakna Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memberi kepercayaan kepada institut-institut perguruan di Malaysia untuk melatih tenaga pengajarnya dan adalah dijangkakan pada tahun 2010 semua guru TABIKA KEMAS akan mempunyai kelulusan Diploma Perguruan Malaysia. Tempoh pengajian Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) Kursus Dalam Cuti (KDC) di institut-institut perguruan selama tiga setengah tahun dan dipecahkan kepada lima peringkat.

Mengikut Akta Pendidikan 1996 iaitu Peraturan-peraturan Pendidikan

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2002), Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua agensi prasekolah di Malaysia termasuk TABIKA KEMAS

menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan berkuatkuasa 1 Januari 2003. Komponen Kurikulum Prasekolah Kebangsaan merangkumi Bahasa dan Komunikasi, Perkembangan Kognitif, Kerohanian dan Moral, Kreativiti dan Estetika, Perkembangan Sosioemosi dan Perkembangan Fizikal. Perkembangan fizikal adalah suatu aspek penting dalam pendidikan awal kanak-kanak, dengan itu Komponen Perkembangan Fizikal yang juga dikenali sebagai pendidikan pergerakan memberi penekanan kepada tiga aspek penting, iaitu perkembangan psikomotor, kesihatan dan keselamatan. Komponen Perkembangan Fizikal memberi fokus kepada pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dalam





keadaan sihat, selamat dan sejahtera untuk memupuk keyakinan diri dan membentuk personaliti yang positif.

Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran komponen perkembangan fizikal bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani yang dimiliki guru. Dapatan kajian Muhamad (1993), mendapati guru-guru bersetuju bahawa untuk merancang sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, ia memerlukan penelitian dan kefahaman yang tinggi terhadap isi kandungan, objektif aktiviti dan proses pengajaran dan pembelajaran yang hendak disampaikan. Kemantapan pengetahuan dan kemahiran

Pendidikan Jasmani sangat penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Komponen Perkembangan Fizikal yang menekankan asas pertumbuhan dan pembesaran kanak-kanak dalam keadaan sihat, selamat dan cergas. Semua guru prasekolah termasuk guru-guru TABIKA KEMAS perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani, kerana salah satu tanggungjawab mereka ialah membantu kanak-kanak mencapai kesejahteraan fizikal. Oleh itu guru TABIKA KEMAS perlu diberi latihan yang mencukupi dari aspek pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani.

Bahagian Pendidikan Guru telah diamanahkan untuk melatih guru-guru TABIKA KEMAS mulai 29 Mei 2006 dan kursus yang ditawarkan di institut-institut perguruan seluruh Malaysia ialah Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Semua guru pelatih pengkhususan Prasekolah wajib mengambil kursus





Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Prasekolah sebagai kursus elektif. Sukatan Pelajaran Pendidikan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Prasekolah yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (Januari, 2002) masih digunapakai. Jumlah kredit yang diperuntukkan untuk kursus ini, ialah sembilan kredit dengan jumlah masa 135 jam, dan perlu disiapkan dalam jangka masa tiga tahun. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang diguna oleh pensyarah Pendidikan Jasmani dalam menyampaikan kandungan kursus tersebut adalah berbentuk teori dan amali. Walau bagaimanapun, kandungan kursus yang disampaikan kepada guru-guru TABIKA KEMAS, adalah sebagai respon kepada kurikulum dan bukannya berdasarkan kepada keperluan guru-guru tersebut. Kenyataan Kaufman dan English (1979), sesuatu program yang efektif ialah bila ia berdasarkan kepada keperluan guru. Kenyataan ini disokong oleh Swist (2001) yang menyatakan proses analisis keperluan adalah langkah pertama yang penting di dalam membina program latihan atau ikhtiar memajukan prestasi kerja.

Analisis keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani perlu dilakukan, untuk mengenalpasti sama ada Sukatan Pelajaran Pendidikan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Prasekolah yang diguna di institut-institut perguruan memenuhi keperluan guru-guru TABIKA KEMAS dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal di peringkat TABIKA. Para pensyarah kursus Pendidikan Jasmani di institut-institut perguruan mengharapkan guru-guru TABIKA KEMAS



mendapat ilmu dan kemahiran yang secukupnya dalam bidang Pendidikan Jasmani, supaya mereka lebih yakin dan berkemahiran menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk fizikal dengan kanak-kanak di bawah jagaan mereka dan ini boleh meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah terutamanya TABIKA KEMAS .

1.3 Penyataan Masalah

Proses pembelajaran peringkat prasekolah amat mementingkan pencapaian prestasi motor. Perkara ini menuntut agar guru prasekolah memiliki pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani yang mantap. Menurut tinjauan awal di TABIKA KEMAS, penguasaan Pendidikan Jasmani guru-guru TABIKA KEMAS sangat terbatas apabila mengajar Komponen Perkembangan Fizikal. Guru seharusnya membantu kanak-kanak membina kawalan motor kasar, membentuk amalan kesihatan, mempraktikkan prosedur-prosedur keselamatan pergerakan. Oleh kerana pendidikan di TABIKA adalah belandaskan pendekatan pembelajaran seperti pendekatan dalam teori Pavlov, Jean Piaget, Howard Gardner, Vygotsky dan Reggio Emilia, kekurangan dan kecacatan pengetahuan mengenai pendekatan dan matlamat pendidikan prasekolah menyebabkan guru-guru mempunyai tahap keyakinan yang rendah, terutamanya dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal.



Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Komponen Perkembangan Fizikal di TABIKA KEMAS bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani yang dimiliki guru. Guru-guru TABIKA KEMAS sebenarnya telah mendapat latihan perguruan TABIKA dari Pusat Latihan KEMAS (PLK) dan Institut Latihan KEMAS (ILK). Namun demikian untuk meningkatkan lagi kompetensi guru-guru TABIKA KEMAS mengajar Komponen Perkembangan Fizikal, maka adalah perlu dijalankan analisis keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru-guru TABIKA KEMAS. Analisis keperluan tersebut bertujuan untuk mengenalpasti keperluan mereka dari aspek pengetahuan dan kemahiran, agar kursus Pendidikan Jasmani di institut-institut perguruan dapat disampaikan mengikut keperluan guru. Persoalan kajian analisi keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS ialah seperti berikut :-

- i. Adakah pengetahuan Pendidikan Jasmani sedia ada mencukupi untuk membolehkan guru-guru TABIKA KEMAS mengajar Komponen Perkembangan Fizikal ?
- ii. Adakah kemahiran Pendidikan Jasmani sedia ada mencukupi untuk membolehkan guru-guru TABIKA KEMAS mengajar Komponen Perkembangan Fizikal ?





1.4 Kerangka Konseptual


Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS yang sedang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu Kursus Dalam Cuti (KDC) di institut-institut Perguruan di Sarawak. Secara umumnya kerangka kajian ini dibina berdasarkan model klasik analisis keperluan pendidikan Kaufman (1972). Kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1.1 menunjukkan Teori Jurang, iaitu jurang di antara keadaan perlu ada dan keadaan sedia ada. Pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani perlu ada, serta pengetahuan dan kemahiran Pendidikan Jasmani sedia ada, bertindak sebagai pembolehubah tidak bersandar untuk mengenalpasti keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani.

Selain itu, keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani telah dikaji menggunakan instrumen *Rossy Physical Education Knowledge and Skills Questionnaire* (Rossy PEKSQ). Item-item dalam Rossy PEKSQ, bertindak sebagai pembolehubah bersandar. Penguasaan Pendidikan Jasmani terdiri daripada pengetahuan dan kemahiran psikomotor, kesihatan, keselamatan, Pendidikan Luar, sStrategi pengajaran dan penilaian. Maklumat daripada pembolehubah tidak bersandar ini digunakan untuk mengenalpasti keperluan penguasaan Pendidikan Jasmanai dalam kalangan guru TABIKA KEMAS di Sarawak.



Pembolehubah bersandar kajian ini adalah keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani. Menggunakan maklumat jurang pengetahuan Pendidikan Jasmani perlu ada dan sedia ada, serta jurang kemahiran Pendidikan Jasmani perlu ada dan sedia ada, penyelidik dapat mengenal pasti keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS.

Rajah 1.1
Kerangka Konseptual Kajian





1.5 Objektif Kajian

Pengkaji menetapkan dua objektif supaya selari dengan hala tuju kajian. Objektif kajian yang hendak dijalankan ialah untuk :

- i. Mengenalpasti keperluan pengetahuan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS.
- ii. Mengenalpasti keperluan kemahiran Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS



1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini mengenai keperluan penguasaan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Pengkaji dalam kajian ini akan menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:-

- i. Sejauhmanakah tahap keperluan pengetahuan Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS?



- ii. Sejauhmanakah tahap keperluan kemahiran Pendidikan Jasmani dalam pengajaran Komponen Perkembangan Fizikal dalam kalangan guru TABIKA KEMAS?

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan akan memberi maklumbalas kepada pensyarah-pensyarah Pendidikan Jasmani di institut perguruan (IPG) tentang keperluan pengetahuan dan keperluan kemahiran Pendidikan Jasmani guru TABIKA KEMAS yang sedang belajar separuh masa di institut perguruan. Maklumbalas yang diperolehi akan membantu pensyarah-pensyarah Pendidikan Jasmani institut perguruan dalam membuat perancangan latihan dan tindakan agar guru-guru TABIKA KEMAS keluaran institut perguruan mempunyai kompetensi untuk mengajar Komponen Perkembangan Fizikal di peringkat prasekolah.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh membantu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) merangka program sesuai untuk Kurikulum Pendidikan Jasmani khususnya untuk guru pelatih pengajian prasekolah di Institut Perguruan. Dapatan kajian ini juga dapat digunakan Jabatan Kemajuan Masyarakat sebagai bahan rujukan dalam merangka program latihan atau kursus Pendidikan Jasmani untuk tenaga pengajar tabika sama ada latihan dalaman atau kursus pendek. Ia juga boleh digunakan sebagai sumber rujukan guru prasekolah terutamanya guru yang mengajar



komponen perkembangan fizikal di prasekolah agensi kerajaan, separa kerajaan, pertubuhan swasta dan pertubuhan sukarela.

Kajian ini secara amnya akan memberi indikasi sama ada kurikulum Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Prasekolah, Kursus Diploma Perguruan Malaysia, masih relevan. Sukatan pelajaran tersebut mula digunapakai sejak Januari 2002.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru TABIKA KEMAS yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Perguruan Batu Lintang dan Institut Perguruan Tun Abdul Razak yang terletak di Sarawak. Tinjauan kajian hanya memberi fokus kepada keperluan pengusaan pendidikan jasmani yang melibatkan tahap pengetahuan sedia ada dan perlu ada serta tahap kemahiran sedia ada dan perlu ada. Teori yang diguna dalam kajian ini ialah Teori Jurang Kaufman.



1.9 Definisi Operational

Keperluan

Keperluan dapat ditakrifkan sebagai perbandingan keadaan perlu ada dan keadaan sedia ada. Maka jurang yang wujud di antara keadaan perlu ada dan keadaan sedia ada akan didefinisikan sebagai keperluan sebenar.

$$[\text{Keadaan Perlu Ada}] - [\text{Keadaan Sedia Ada}] = [\text{Jurang (keperluan)}]$$

Analisis keperluan (*Needs Analysis*) merupakan proses untuk mengenalpasti jurang dan disusun mengikut keutamaan.

Penguasaan Pendidikan Jasmani

Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti fizikal secara intergratif yang boleh menjadikan guru memiliki kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa, supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan, kekuatan peribadi dapat ditampilkan dan ketangkasan jasmani dapat dibangunkan.

Komponen Perkembangan Fizikal

Kompen pembelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Komponen Perkembangan Fizikal memberi fokus kepada pertumbuhan dan



perkembangan murid dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera untuk memupuk keyakinan diri dan membentuk personaliti yang positif.

Komponen Perkembangan Fizikal memberi penekanan kepada tiga aspek penting iaitu :

- i. Perkembangan psikomotor
- ii. Kesihatan
- iii. Keselamatan.

Perkembangan psikomotor melibatkan penguasaan motor kasar dan motor halus. Penguasaan ini amat penting dalam pergerakan asas untuk membolehkan murid melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dengan penuh yakin.

Dalam aspek kesihatan, murid dilatih untuk mengamalkan cara hidup yang sihat dari segi mental dan fizikal melalui kebersihan, pemakanan yang seimbang dan cara menjauhkan diri dari penyakit.

Aspek keselamatan pula membantu murid mengenal pasti objek dan situasi yang membahayakan diri dan mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil untuk bertindak.

Perkembangan Fizikal dapat dikuasai melalui aktiviti fizikal di dalam dan di luar bilik darjah dengan menggunakan pelbagai alat permainan yang disediakan.

Aspek kesihatan dan keselamatan pula dapat dicapai melalui tunjuk cara oleh pihak yang berkaitan dengan kesihatan, lakonan dan lawatan ke Pusat Kesihatan dan tempat-tempat lain yang berkaitan.



Guru TABIKA KEMAS

Pendidik atau pengajar Program pendidikan prasekolah di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat atau lebih sinonim dikalangan khalayak umum sebagai KEMAS yang dikenali sebagai Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA). untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun. Tujuan mereka ialah untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, intelek dan fizikal di samping menyediakan asas yang kukuh kepada kanak-kanak sebelum pendidikan formal di sekolah rendah. Guru TABIKA KEMAS tersebut sedang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu Kursus Dalam Cuti di Institut Pendidikan Guru (IPG).